

11 DEC 2000

PARLIMEN: PEMBANGKANG HANYA BAHAS RETORIK, PM TAK PERLU HADIR

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tidak ada keperluan baginya untuk menghadiri persidangan Dewan Rakyat jika semata-mata untuk mendengar perbahasan pembangkang yang bersifat retorik.

Perdana Menteri berkata, beliau juga sudah maklum parti lawan sudah tidak mempunyai idea baru untuk dibahaskan dan boleh dikatakan sudah mengetahui semua idea pembangkang.

"Saya sudah tahu apa yang nak diperkatakan oleh parti lawan, tiada yang baru yang mereka nak kata, oleh kerana saya dah tahu, tak payahlah saya dengar sebab itu saya tak datang," katanya sebelum pihak kerajaan menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2000 di Dewan Rakyat.

Dr Mahathir mengulas cadangan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) supaya Perdana Menteri memastikan dirinya hadir dua kali seminggu setiap kali Dewan bersidang supaya Menteri-menteri lain juga turut hadir.

Menyentuh kamera litar tertutup untuk merakamkan perkembangan dalam Dewan yang dihubungkan terus ke pejabatnya, Perdana Menteri secara berjenaka berkata, kadang-kadang siaran secara langsung itu terpaksa dihentikan apabila penuh dengan bunyi bising pihak pembangkang mendesak kerajaan memberikan penjelasan terhadap isu-isu lama.

"Kadang-kadang kena `switch off' sebab bising, kalau kita buat penjelasan berkali-kali mereka nak kita ulang lagi, kalau tak bagi mereka akan menjerit dan bercakap dengan nada yang kuat," katanya, yang menambah bahawa beliau mengikuti setiap intipati persidangan.

-- BERNAMA
MNY MNY PR